

KENYATAAN MEDIA

1,853 WARGA KERJA SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN BERSAMA SEMARAK BULAN KEBANGSAAN

PORT DICKSON, 26 OGOS 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menyemarakkan bulan kebangsaan pada tahun ini dengan pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat SWM Environment Negeri Sembilan di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Haji Nordin berkata, program yang berlangsung serentak di seluruh cawangan operasi di Negeri Sembilan ini melibatkan seramai 1,853 warga kerja serta kira-kira 100 buah kenderaan dan jentera yang turut dipasang bendera bagi mengukuhkan semangat patriotik di kalangan pekerja perkhidmatan pengurusan pepejal dan pembersihan awam.

“Kempen ini bersesuaian dengan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam menyambut hari yang penuh bermakna bagi negara di samping menonjolkan peranan anggota barisan hadapan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan pengurusan pepejal dan pembersihan awam diberikan kepada penduduk di 7 buah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)” katanya lagi.

Beliau juga turut membacakan teks ucapan khas sempena Hari Kebangsaan dari Ketua Pegawai Eksekutif SWM Environment, Encik Ho De Leong dan melepaskan sebanyak 8 buah kenderaan berjentera antaranya seperti lori kompaktor, lori tipper dan jentera pembersihan pantai atau *beach comber*, jengkaut, *side-car* dan *lorry bus* semasa gimik pelancaran kempen tersebut.

Melalui penghayatan tema hari kebangsaan ini juga, SWM Environment turut bekerjasama dengan pihak SWCorp Negeri Sembilan dan juga kerajaan negeri melalui penyerahan 500 buah Jalur Gemilang agar sambutan kemerdekaan ini dapat dizahirkan dengan lebih bermakna.

SWM Environment turut melancarkan Kempen Kitar Semula dan Menangi Mata Ganjaran di bawah program KITAREcycle yang memberi peluang kepada orang awam terutamanya penduduk di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor untuk menyertai pertandingan mengumpul barangan kitar semula dan menangi tambahan 2,000 mata ganjaran (*Recycling Point*) KITAREcycle bermula 23 Ogos hingga 23 September 2022.

Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli KITAREcycle yang beralamat di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor untuk melakukan aktiviti kitar semula tanpa had dan perlu menghantar barangan kitar semula yang telah lengkap dengan pelekat kod QR atau menulis nombor kod QR diatas bungkusan barangan kitar semula di lebih 20 buah fasiliti KITAREcycle berdekatan.



Orang ramai yang ingin menyertai program kitar semula berganjaran iaitu KITARecycle boleh mendaftar sebagai ahli KITARecycle secara dalam talian menerusi portal KITARecycle di <https://portal.kitarecycle.com/login> atau memuat turun aplikasi KITARecycle melalui *Apple Store* atau *android Play Store*.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITARecycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITARecycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITARecycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com